

HARI AIR SEDUNIA

# Jadikan tabiat jimat air sebahagian gaya hidup



**CATUAN AIR:** Encik Masagos menyertai penghuni asrama Ridge View, NUS dalam catuan air sempena Hari Air Sedunia Singapura. – Foto BH oleh TIMOTHY DAVID

► **NORMAN SAWI**  
normans@sph.com.sg

TABIAT menjimatkan air perlu dijawai sepanjang hayat dan dijadikan sebahagian gaya hidup warga Singapura, kata Menteri Sekitaran dan Sumber Air Encik Masagos Zukifli Masagos Mohamad.

Satu cara mengingatkan diri sendiri tentang perihal pentingnya air adalah dengan catuan air, dalam setakaran yang terkawal, tambahnya.

“Kita perlu mengamalkan tabiat menjimatkan air sepanjang hidup kita,” kata Encik Masagos.

“Apabila kita semakin meningkat dewasa, kita juga perlu sesekali diingatkan supaya berbuat

demikian... dan catuan air satu cara melakukannya. Tapi kita perlu melakukannya dalam sekitaran yang selamat.”

Encik Masagos berkata demikian semasa mengadakan lawatan ke Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam bagi melancarkan sambutan Hari Air Sedunia Singapura.

Di sana, Encik Masagos juga menyaksikan latihan catuan air yang sedang diamalkan oleh penghuni Kolej Asrama Ridge View.

Sejumlah 670 mahasiswa dan staf NUS yang menetap di asrama itu mengambil bahagian dalam latihan selama 10 jam itu.

Antaranya, mereka digalak men-

ambil masa lebih singkat untuk mandi dan menadah air dalam baldi dari tempat yang disediakan dan menggunakan air itu untuk membersihkan bilik air dan mencuci tangan.

Dalam kenyataannya semalam, agensi air negara PUB berkata Ridge View adalah asrama universiti pertama yang mengambil bahagian dalam latihan catuan air bagi memperingati Hari Air Sedunia Singapura, yang disambut selama sebulan.

Menurut Encik Masagos, beliau berharap agar institusi pendidikan tinggi lain juga akan mengambil bahagian di masa depan.

“Mahasiswa, staf dan pihak pengurusan boleh melibatkan diri

dalam proses ini... kerana sesekali, kita perlu diingatkan bahawa air adalah amat berharga dan perlu dijimatkan,” kata Encik Masagos.

Encik Masagos juga berkata PUB akan bekerjasama dengan NUS untuk menjelaki perubahan tabiat pengguna air pengguna di rumah menggunakan alat mandi bijak di rumah.

Sejumlah 10,000 unit flat bina ikut tempahan (BTO) baru akan dipasang dengan alat mandi bijak ini dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Menurut Encik Masagos, beliau berharap projek ini akan menunjukkan perubahan yang baik dalam usaha menjimatkan air.